


KERTAS MODEL PT3

BAHAGIAN A
[20 markah]

2 jam

Arahan: Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

- 1 Rajah 1 menunjukkan cara Aman hendak menentukan arah.




Rajah 1

Apakah arah X?

- A Timur C Utara
B Barat D Selatan

- 2 Apakah kedudukan titik P dalam Rajah 2?



Rajah 2

- A 25°T 45°U C 45°U 25°T
B 52°S 19°B D 52°S 25°T


- 3 Antara yang berikut, manakah yang merupakan simbol titik?



- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 4 Rajah 3 menunjukkan import beras di Negara X pada tahun 2018.

Jumlah import beras di Negara X pada tahun 2018



Jumlah import: 200 ribu tan

Rajah 3

Berapakah jumlah import beras di Negara X daripada negara-negara ASEAN?

- A 80 ribu tan C 130 ribu tan
B 120 ribu tan D 160 ribu tan

- 5 Antara yang berikut, manakah kaedah pengumpulan maklumat?

- I Soal selidik III Pendaftaran
II Pemerhatian IV Pengundian
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 6 Antara yang berikut, manakah yang benar tentang lapisan teras bumi?

- I Suhu sederhana
II Lapisan paling luar sekali
III Mengalami tekanan yang kuat
IV Terbahagi kepada dua bahagian
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV


- 7 Antara yang berikut, kawasan manakah mempunyai penduduk padat?

- I Temerloh III Lembah Klang
II Georgetown IV Kuala Terengganu
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 8 Apakah kesan aktiviti pembalakan?

- I Tanah menjadi stabil
II Spesies baharu tumbuh
III Kualiti sumber air merosot
IV Kawasan tadahan berkurangan
A I dan II C III dan IV
B II dan III D I dan IV

- 9 Apakah jenis pergerakan bumi yang ditunjukkan dalam Rajah 4?



Rajah 4

- A Putaran bumi C Putaran matahari
B Peredaran bumi D Pergerakan bumi

- 10 Apakah jenis angin tempatan yang dapat dikaitkan dengan pernyataan berikut?


Udara bergerak dari laut yang bertekanan tinggi ke daratan yang bertekanan rendah.

- A Bayu laut
 B Bayu darat
 C Angin Sumatera
 D Angin Monsun

- 11 Antara yang berikut, manakah faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan di Malaysia?

- I Kemajuan teknologi
 II Cuaca setempat
 III Taburan penduduk
 IV Dasar kerajaan/governan
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 12 Kawasan bertanda manakah dalam Peta 1 yang mengalami iklim Mediteranean?



Peta 1: Asia

- 13 Antara yang berikut, manakah merupakan amalan 5R bagi langkah-langkah mengurangkan kesan pemanasan global?

- A Menggunakan pengangkutan awam
 B Menggunakan beg plastik ketika membeli belah
 C Menggunakan kereta persendirian ke tempat kerja
 D Menebang kawasan hutan secara besar-besaran

- 14 Kombinasi manakah yang benar tentang hutan dan jenis tanahnya.

	Hutan	Jenis Tanah
A	Hutan Hujan Tropika	Tanah gambut
B	Hutan Gunung	Tanah laterit
C	Hutan Pantai	Tanah aluvium
D	Hutan Paya Air Masin	Tanah berpasir

- 15 Apakah faktor yang membezakan jenis tumbuhan dalam maklumat berikut?

- Periuk kaca
- Pokok meranti

- I Iklim
 II Ketinggian
 III Bentuk muka bumi
 IV Pengaruh garis lintang
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 16 Antara yang berikut, tenaga alternatif manakah yang tidak sesuai dijana di Malaysia?

- A Tenaga suria C Tenaga geoterma
 B Tenaga angin D Tenaga biomas

- 17 Apakah kegunaan sumber bauksit?


- A Bahan bakar
 B Melebur besi
 C Perhiasan piuter
 D Membuat aluminium

- 18 Hidupan liar dalam Foto 1 telah dilindungi di pusat konservasi di Malaysia.



Foto 1

Di lokasi manakah pusat konservasi tersebut?



Peta 2: Malaysia

- 19 Apakah kepentingan aktiviti kitar semula?

- A Pertambahan spesies baharu
 B Pendapatan negara meningkat
 C Pencemaran udara bertambah
 D Kepupusan sumber semula jadi dapat dielakkan


- 20 Antara yang berikut, apakah langkah yang sesuai untuk mengitar semula botol plastik?

- A Membuat barangan perhiasan
 B Mengisi semula air minuman
 C Membakar untuk memperoleh tenaga
 D Membuang mengikut jenis tong sampah

BAHAGIAN B
[50 markah]

Arahan: Jawab semua soalan.

1. Berdasarkan Peta 1, jawab soalan-soalan berikutnya.



Peta 1: Peta Pekan Sedeli

(a) Nyatakan rujukan grid 4 angka bagi ciri yang berikut.

Tempat	Rujukan Grid 4 Angka
i. Kilang	
ii. Jambatan	

[2 markah]

(b) Nyatakan rujukan grid 6 angka bagi ciri yang berikut.

Tempat	Rujukan Grid 6 Angka
i. Bt. Timah	
ii. Masjid	

[2 markah]

(c) Apakah arah Bt. Timah dari Pekan Sedeli?

[1 markah]

(d) Berapakah jarak lurus dari jambatan (RG 173288) ke Bukit Timah (RG 209305)?

[1 markah]

(e) Apakah pola petempatan yang terdapat dalam RG 1829 dan nyatakan ciri-cirinya.

i. Pola petempatan: _____

ii. Ciri-cirinya : _____

[2 markah]


(f) Nyatakan ciri fizikal dan ciri budaya dalam peta topografi tersebut.

i. Ciri fizikal : _____

ii. Ciri budaya: _____

[2 markah]

2. (a) Namakan negara-negara yang ditandakan pada peta Asia Tenggara di bawah ini.



Peta 2: Asia Tenggara

N1		N6	
N2		N7	
N3		N8	
N4		N9	
N5		N10	

[10 markah]

(b) Nyatakan fungsi dan contoh petempatan bandar utama di Asia Tenggara.

- i. _____


- ii. _____

- iii. _____

- iv. _____

[4 markah]

3. Berdasarkan Foto 1 di bawah ini, jawab soalan-soalan berikut.



Alat X



Alat Y

Foto 1

(a) Namakan alat X dan alat Y.

i. X: _____ ii. Y: _____


[2 markah]

(b) Huraikan empat kepentingan alat-alat tersebut terhadap pembangunan Negara.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____


[4 markah]

(c) Terangkan kesan positif dan kesan negatif alat-alat telekomunikasi tersebut kepada negara.



[6 markah]

4. Berdasarkan Rajah 1, jawab soalan berikut.



Rajah 1

(a) Apakah jenis hutan dalam rajah tersebut?

[1 markah]

(b) Nyatakan **tiga** kawasan yang mempunyai taburan hutan tersebut di Malaysia dan **dua** kawasan yang mempunyai taburan hutan tersebut di dunia.

Malaysia

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

Dunia

- i. _____
- ii. _____

[5 markah]

(c) Namakan lapisan **P**, **Q**, **R** dan **S**.

- i. **P**: _____
- ii. **Q**: _____
- iii. **R**: _____
- iv. **S**: _____

[4 markah]

(d) Nyatakan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan di lapisan **S**.

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

(e) Bagaimanakah cara untuk memberi kesedaran terhadap masyarakat bagi memelihara sumber hutan?

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

BAHAGIAN C
[30 markah]

Arahan: Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

1. Berdasarkan keratan akhbar di bawah ini, jawab soalan-soalan yang berikut.

30 maut dalam kejadian gempa bumi dan tsunami di Sulawesi

PALU: Sekurang-kurangnya 30 terbunuh di bandar Palu, Pulau Sulawesi dalam gempa bumi pada lewat Jumaat. Menurut laporan Metro TV, jumlah itu disahkan oleh Dr. Komang Adi Sujendra menerusi sebuah video yang dikongsikan. Menurutnya, 30 mangsa yang maut telah dibawa ke hospital manakala 12 lagi yang cedera kini memerlukan rawatan segera. Pihak berkuasa tempatan menghadapi cabaran besar untuk mengkoordinasi misi bantuan kecemasan selepas sistem komunikasi di sekitar Palu lumpuh sepenuhnya. Sehingga kini, tiada pengesahan daripada pihak berkuasa tempatan berhubung jumlah mangsa yang terjejas. Kebanyakan yang maut atau cedera akibat oleh runtuh bangunan susulan gegaran 7.5 pada skala Richter yang menggegarkan Palu.

(Sumber: Diubah suai daripada Astro Awani, 29 September 2018)

- (a) Apakah kesan kejadian gempa bumi dan tsunami tersebut? [5 markah]
- (b) Bagaimanakah kita dapat membantu mangsa gempa dan tsunami tersebut? [5 markah]
2. (a) Huraikan punca-punca yang menyebabkan kesan rumah hijau. [4 markah]
- (b) Sekiranya anda seorang pegawai meteorologi, apakah yang anda lakukan untuk memberikan maklumat kepada orang ramai bagi mengelakkan kesan rumah hijau? [6 markah]
3. Maklumat di bawah merupakan hidupan liar yang terdapat di dalam hutan di Malaysia.

- Tenggiling
- Badak Sumatera
- Harimau Malaya

- (a) Nyatakan kegiatan manusia yang menyebabkan kepupusan hidupan liar tersebut. [5 markah]
- (b) Cadangkan cara untuk memupuk kesedaran mencintai hidupan liar dalam kalangan rakan-rakan sekelas yang lain supaya hidupan liar ini tidak pupus pada masa hadapan. [5 markah]
4. Foto 2 menunjukkan salah satu empangan di Malaysia.



Foto 2

- (a) Namakan **lima** empangan jana kuasa hidroelektrik yang terdapat di Malaysia. [5 markah]
- (b) Apakah kepentingan empangan tersebut kepada penduduk di Malaysia? [5 markah]